

Headline	Modus operandi curi kabel		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	L-47	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	748 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,114
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,342



Penjenayah sanggup mencuri kabel elektrik kerana nilai tembaga.

# Modus operandi curi kabel

**G**ARA-GARA mencuri kabel, seorang pemuda maut dalam keadaan ngeri apabila tubuhnya rentung, malah terputus dua akibak terkena renjatan elektrik. Separuh badan pemuda berusia 20 tahun itu tersangkut pada talian elektrik setinggi 3.5 meter di pencawang itu. Sebahagian lagi tubuhnya termasuk kepala, rentung dan terjatuh di bawah tiang talian elektrik berkenaan. Itu antara kejadian ngeri

menimpa pencuri kabel yang sengaja menempek maut ketika melakukan jenayah. Apabila kecurian kabel ini berlaku ia akan menyebabkan kerugian besar kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM), selain mengambil masa yang lama untuk dibaiki. Hasil daripada statistik, TM mengalami kerugian memabitkan RM42 juta sepanjang Januari hingga Ogos 2011 dan RM29 juta dalam tempoh yang

sama tahun lalu. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Datuk Seri Zamzamairani Mohd Isa, berkata jenayah itu dianggap serius walaupun mencatatkan penurunan tujuh peratus pada tahun lalu. "Kita tidak menolok kemungkinan jenayah curi kabel ini dilakukan orang dalam, namun turut memabitkan orang luar, penagih dadah dan penjual besi buruk ekoran harga kabel yang tinggi," katanya.



Seorang lelaki maut, dipercayai terlibat dengan curi kabel ditemui di dalam lubang sedalam dua meter.

## LOKASI

KEJADIAN curi kabel banyak berlaku di kawasan luar bandar. Kejadian sama juga berlaku di kawasan tumpuan seperti di ibu kota dan kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC), di Cyberjaya, ia mencatat kerugian yang tinggi ekoran kapasiti kabel yang lebih besar berbanding di kawasan sunyi. Sehingga Ogos tahun lalu sebanyak 11,539 kes curi kabel TM dilaporkan berlaku dengan Perak mencatatkan jumlah kes terbanyak dengan 2,087 kes diikuti Selangor dengan 1,841 kes manakala Kuala Lumpur dan MSC hanya mencatat 82 kes.

## Pencegahan jenayah curi kabel

- » Pihak TM turut memasang sistem penggera bagi mencegah kecurian kabel yang dikenali sebagai *Watch* diperkenalkan sebelum ini dan berperanan memberi amaran ketika kabel dipotong.
- » Kerjasama antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), TM dan badan bukan kerajaan (NGO) berjaya mengurangkan kes jenayah curi kabel melalui usaha meningkatkan lagi kawalan dan rondaan di kawasan sasaran.
- » Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, sindiket yang terlibat dalam jenayah curi kabel juga bertindak secara profesional seperti mempunyai pemerhati dan pemantau keadaan sekeliling sekiranya ada kehadiran polis bagi mengelak kejadian jenayah mereka diketahui.
- » "Meskipun kita mengadakan kawalan dan rondaan, pada masa sama penjenayah curi kabel ini merancang strategi keselamatan mereka sendiri bagi mengelak ditahan polis, namun kami berjaya memberkas kumpulan tersebut," kata Khalid.

## Modus operandi

- Kumpulan melakukan kegiatan curi kabel elektrik di rumah kosong sebagai sasaran. Kumpulan tersebut berlagak umpama kontraktor elektrik dan ada kalanya seperti pencari barangan lusuh. Setelah mengenal pasti sasaran, kumpulan terbabit bertindak memotong kabel di rumah kosong dan kemudiannya menjual di beberapa pusat barangan lusuh.
- Kumpulan menggunakan kenderaan seperti lori dan van untuk bergerak dari kawasan ke kawasan di luar bandar dan terpencil bagi mencuri kabel.
- Kumpulan menyamar sebagai kontraktor TM dengan memakai uniform kontraktor TM dan pas keselamatan seolah-olah pekerja sah. Kumpulan tersebut menjalankan aktiviti pada waktu malam dan menggunakan lori untuk menarik keluar kabel dari bawah tanah.
- Beberapa pengusaha kedai barangan lusuh dipercayai menjadi dalang kegiatan jenayah curi kabel. Ia boleh mengaut keuntungan dengan membeli wayar aluminium, batang besi tembaga dan pelbagai logam lain dari kumpulan tertentu yang menjalankan kegiatan mencuri barangan berkenaan.

## Hukuman

- Seksyen 431 Kanun Keseksaan dan jika didapati bersalah akan dijatuhi hukuman denda tiga tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali
- Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang boleh disabitkan dengan hukuman penjara tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.



Polis berjaya menumpaskan sindiket curi kabel.

## CONTOH KES

**1**KAJANG - Seorang lelaki maut, 38, terkena renjatan elektrik ketika cuba memotong gelungan kabel elektrik bawah tanah berhampiran kilang di Bukit Angkat, di sini. Mangsa ditemui orang awam di dalam lubang sedalam dua meter. Jurucakap bomba berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan dan sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Kajang dikejar ke lokasi kejadian. "Penutup lubang terbuka separuh dan mangsa berpakaian lengkap ketika ditemui," katanya.

**2**SERDANG - Menggunakan kepakaran dan kemahiran dimilikinya, seorang lelaki dan empat rakannya licik mencuri kabel bawah tanah milik syarikat telekomunikasi itu. Difahamkan, sindiket terbabit melakukan aktiviti itu pada awal pagi, lengkap dengan pemasangan papan tanda amaran untuk mengaburi mata

orang awam kononnya mereka kontraktor dilantik TM. Bagaimanapun, sindiket terbabit berjaya ditumpaskan ketika leka menarik keluar kabel berdekatan kawasan perumahan Taman Muhibbah kira-kira jam 3.45 pagi. Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Abd Razak Elias berkata, bertindak atas maklumat anggota Cawangan Pencegahan Jenayah Balai Polis Serdang bergegas ke lokasi kejadian. Pihak polis berjaya merampas semula kabel sepanjang 600 meter dianggarkan bernilai RM70,000. "Sebilah parang, pemotong besi dan tali dipercayai digunakan untuk menarik kabel di bawah tanah turut dirampas," katanya. Beliau berkata, perbuatan suspek menyebabkan hampir 1,500 rumah terputus talian telefon dan pihak TM terpaksa menanggung kos pembaikan hampir RM100,000.